

# Dr M: Kedudukan Raja2 hasil perjuangan rakyat

**KUALA LUMPUR, Isnin** — **Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad** menegaskan perjuangan rakyat untuk mendapat balik kuasa dari British dan meletakkan raja di tempat yang lebih tinggi dari di zaman British adalah melalui Umno.

"Dari sejarah moden ini tentulah jelas bahawa rakyat telah berjuang melalui Umno. Perfama, untuk mendapat balik kuasa dari British dan kedua, untuk meletakkan raja di tempat yang lebih tinggi.

"Untuk mengclakkan politik mempengaruhi ketaatan rakyat kepada raja, sistem Raja Berperlembagaan, di mana raja menjadi simbol kedaulatan dan tumpuan taat setia, telah dipilih.

Membentangkan Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) 1984. Perdana Menteri menegaskan walau apapun parti yang mendirikan kerajaan, taat setia ditumpukan kepada raja dan pemerintah dibuat dengan nama raja.

"Dengan ini, nama raja-raja tidak akan tercemar dalam gelanggang politik."

"Kita memilih sistem Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan kerana kita sudah ada model atau contoh. Contoh yang tepat bngi kita ialah sistem yang diamalkan oleh Britain.

"Sewaktu kita dijajah, kita dapat melihat dari jauh dan dekat bagaimana sistem ini berjalan dan kesannya hasil daripadanya. Sistem ini pun amat sesuai dengan peralihan zaman di mana kita dapati banyak daripada sistem raja berkuasa mutlak telah ditamatkan, kerana melalui kckcrasan dan diganti dengan republik."

Datuk Seri Dr Mahathir berkata oleh kerana negara ini tidak ingin menghapuskan sistem beraja, kerajaan memilih sistem Raja Berperlembagaan untuk melindungi kedudukan raja-raja.

Menyingskap sejarah, Datuk Seri Dr Mahathir menjelaskan penerimaan British sebagai kuasa metropolitan disebabkan oleh kelemahan dalam negeri-negeri Melayu yang timbul dari sengketa di kalangan merca yang berminat un-

tuk menduduki takhta atau kerana pentadbiran yang boros dan tidak cekap. Merca yang arif dalam sejarah Tanah Melayu dan Gugusan Pulau-Pulau Melayu, lebih mengetahui perkara ini.

"Sebaliknya, perjuangan untuk kemerdekaan membabitkan rakyat secara langsung."

"Bila tmat Perang Pasifik, rakyat dan Raja-Raja Melayu berharap akan kembali kepada 'status quo ante' — iaitu kepada keadaan sebelum Perang Dunia Kedua, di mana negeri-negeri Melayu dilindungi oleh British, yang kononnya memrintih secara tidak langsung.

## Bersekutu

"Kedudukan ini bukanlah begitu baik, terutama di Negeri-Negeri Bersekutu. Tetapi, dari segi kebebasan kedudukan, ini lebih baik dari kedudukan di Negeri-Negeri Selat yang diperintah sebagai tanah takluk British. Merca mempunyai kuasa penuh dalam Negeri-Negeri Selat.

"Tidak ada raja atau orang tempatan lain yang perlu dilayan atau diberi bayangan kuasa."

Mengetahui Malayan Union, Datuk Seri Dr Mahathir berkata rakyat telah menentang rancangan British dari awal-awal lagi supaya negara ini diperintah terus oleh Whitehall sebagai tanah jajahan British.

"Malangnya, tidak ada perhubungan antara rakyat dan raja. Tanpa pnyelarasan dan sokongan antara rakyat dan raja, tidak mungkin raja menentang British dengan berkesan. Beberapa pucuk surat banta-

han diutus oleh beberapa orang raja tanpa dilayan oleh British."

Perdana Menteri menjelaskan, walaupun raja-raja telah memperkenankan secara rasmi Malayan Union, rakyat tidak juga berhenti dari menentangnya. Umno ditubuhkan untuk mengumpul orang Melayu, yang pada ketika itu tidak bersatu padu, dan masih menganggap diri mereka sebagai rakyat negeri dan raja Melayu masing-masing, bagi menentangkan terhadap Malayan Union. Akhirnya Malayan Union terpaksa dibubarkan dan negeri-negeri Melayu Semenanjung balik semula ke taraf lama.